



DIARI MURID CEMERLANG (DMC)

38

Group member

NOR AZAM BIN ABDULLAH

SITI AIDA BT IBRAHIM

SHAJARATUDDUUR BT HUSSIN

NOR ZURAINA BT ZUBIR

KAMISAN BIN SIHAM

ABSTRACT



Diari Murid Cemerlang (DMC) ialah sebuah diari khas untuk murid-murid SMA MAIWP dan SBPI Rawang merekodkan aktiviti-aktiviti harian mereka. DMC merupakan satu alat untuk membentuk disiplin sendiri murid yang merupakan ramuan penting untuk memperolehi kejayaan cemerlang baik dari sudut akademik, sahsiah mahupun kokurikulum. DMC dibangunkan atas prinsip manusia perlu mengubah nasibnya sendiri (Al-Ra'du:11) DMC menyenaraikan 24 aktiviti murid yang bermula daripada awal pagi sehingga waktu tidur. Murid akan menandakan aktiviti yang mereka lakukan sepanjang hari berkenaan. DMC dijadikan dokumen rujukan semasa Dialog Prestasi Akademik bersama-sama ibu bapa, sesi mentor-mentee, sesi kaunseling individu serta rujukan kes-kes disiplin. DMC telah diterbitkan dalam Jurnal Amalan Terbaik PPD Gombak Jilid 3 Tahun 2021.

INTRODUCTION

Istilah disiplin sendiri terdiri daripada dua perkataan, disiplin dan sendiri. Disiplin bermaksud peraturan untuk melatih seseorang supaya berkelakuan baik. Kendiri pula bermaksud kekendirian iaitu keadaan atau sifat sendiri (DBP, 2017).

Menurut Maimanah (2015), disiplin sendiri ialah keupayaan seorang pelajar untuk mengawal diri daripada melakukan sesuatu perkara yang memudaratkan dan sia-sia yang akhirnya menghalang pelajar tersebut daripada mencapai matlamatnya.


Untuk memastikan murid mengecap kejayaan cemerlang, aspek disiplin sendiri perlu dibina dalam pemikiran dan aktiviti harian mereka, sesuai dengan pandangan Tangney, Baumeister, dan Boone (2004).



PRODUCT DESCRIPTION/ INNOVATION IN BRIEF

Diari Murid Cemerlang (DMC) ialah sebuah diari khas untuk murid-murid SMA MAIWP dan SBPI Rawang merekodkan aktiviti-aktiviti harian mereka. DMC merupakan satu alat untuk membentuk disiplin sendiri murid. DMC dibahagikan kepada dua bahagian. Dalam bahagian pertama, murid-murid menetapkan sasaran pencapaian akademik setiap mata pelajaran. Murid-murid juga menyediakan graf garisan *headcount* untuk merekodkan pencapaian sebenar mereka dalam ujian dan membandingkannya dengan sasaran yang telah ditetapkan. Bahagian kedua diari pula menyenaraikan 24 aktiviti murid yang bermula daripada awal pagi sehingga waktu tidur. Murid akan menandakan aktiviti yang mereka lakukan sepanjang hari berkenaan. Setiap muka surat diari mewakili aktiviti sehari dalam kehidupan murid di asrama. DMC dijadikan dokumen rujukan semasa Dialog Prestasi Akademik bersama-sama ibu bapa, sesi mentor-mentee, sesi kaunseling individu serta rujukan kes-kes disiplin. Dari sudut operasi, DMC diselaraskan oleh unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) sekolah.

METHODOLOGY



SHARIAH COMPLIANCES

DMC menepati syariah kerana diari ini memenuhi ciri muhasabah yang disyariatkan dalam Islam. Di samping itu juga, DMC akan membantu murid mendisiplinkan diri melaksanakan amalan-amalan harian yang berfaedah.

SIGNIFICANCES

DMC signifikan kerana diari ini mampu merekodkan amal-amalan kebaikan yang dilaksanakan oleh murid. Setelah mendapat keputusan peperiksaan, data peperiksaan dan data amalan baik dalam DMC dapat digabungkan dan dianalisis. Lalu akan nampak jelas perkaitan antara rutin harian murid yang berdisiplin dengan kejayaan cemerlang yang dicapainya.

Apabila murid menyedari perkaitan ini, mereka akan berusaha meningkatkan disiplin diri dan melakukan kebaikan dan tidak lagi mengambil sikap acuh tak acuh dan tidak peduli.

NOVELTY/ ORIGINALITY

DMC merupakan program yang autentik dan asli dalam mengaitkan disiplin sendiri dengan kecemerlangan akademik.

Oleh itu, DMC telah diterima sebagai salah satu amalan terbaik pendidikan yang dimuatkan dalam Jurnal Pendidikan PPD Gombak, satu-satunya pejabat pendidikan daerah yang menerbitkan jurnal pendidikannya yang tersendiri.

AWARDS :: PUBLICATION :: PATTERNS

Diterbitkan dalam Jurnal Pejabat Pendidikan Daerah Gombak Jilid 3, 2021.



"LEADING INNOVATION"